



BARIS depan, dari kiri: Mah, Chong, Ooi (Penyelaras Utama), Teong (Penyelaras) dan Trevelyan Lim (Pengarah).

UMSKAL anjur Angpau Night 1 Mac

UB 21.1.2014 B3

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus, Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan program tahunan "Angpau Night" di Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan pada 1 Mac bermula jam 7 malam.

Tahun 2014 ini adalah tahun kuda, justeru tema Malam Angpau tahun ini adalah 'Yi Ma Qian Yuan'.

Penyelaras APNOoiAiYee dan Teong Khan Vun akan memantau dan menyelaras pelajar UMSKAL untuk menjayakan program ini.

Trevelyan Lim Xhing Ping bertindak sebagai pengarah program, Mah Kok Wah dan Chong Hoc Leong selaku timbalan pengarah, Fong Yee Ting sebagai setiausaha dan Chong Yi Man sebagai bendahari, manakala lebih 100 ahli jawatankuasa dilantik dan membentuk satu keluarga organisasi untuk

menjayakan program ini.

Menurut Ooi, tema Yi Ma Qian Yuan pada tahun ini memberi makna menyatukan orang ramai terutamanya warga Wilayah Persekutuan Labuan untuk menyambut Tahun Baharu Cina 2014 bersama-sama.

Tambahan lagi, mengikut zodiac Cina, tahun kuda adalah simbol yang ketujuh dan salah satu simbol paling bermakna daripada 12 simbol yang lain. Simbol kuda memberi makna kuasa, rahmat, kecantikan, kekayaan, kekuatan dan kebebasan dalam kebudayaan kaum Cina.

Selain malam kemuncak Angpau 2014, seminggu sebelum Angpau Night, satu pameran akan diadakan di ruang legar pentas Ujana Kewangan pada 23 Februari 2014 (Ahad) bermula jam 11 pagi hingga 5 petang.

Tujuan pameran adalah

berkongsi maklumat kebudayaan dan tradisi kaum Cina dengan para pengunjung. Sepanjang tempoh pameran, pengunjung dialu-alukan untuk belajar kaligrafi Cina, petikan Cina dan lain-lain. Selain itu, lukisan Cina, seni Cina dan topeng opera Cina turut dipamerkan.

Sementara itu, pelbagai persembahan yang menarik akan diadakan pada malam kemuncak Angpau Night.

Antaranya ialah tarian singa, tarian naga, seni mempertahankan diri kebudayaan Cina, persembahan silap mata, Face-off, 24 gendang perayaan, sarkas tradisional Cina dan tarian moden serta nyanyian artis terkenal tanahair Nick Chung.

"Kami percaya setiap pengunjung yang hadir akan merasa bersemangat dan berpuas hati dengan

persempahan yang disajikan pada malam itu. Semua warga Labuan tidak mengira kaum dialu-alukan menghadiri dan menikmati bersama-sama persembahan-persembahan pada malam kemuncak itu," katanya.

Untuk maklumat, tiket terbahagi kepada tiga jenis yang mana nilainya ialah RM15, RM25 dan RM30. Bayaran yang lebih tinggi akan diberikan tempat duduk lebih baik.

Untuk pertanyaan mengenai tiket sila hubungi pengarah program Trevelyan Lim Xhing Pinq (012-4771550). Untuk maklumat tambahan, sila layari dan "LIKE" laman facebook www.facebook.com/apn2014 dan blogger [www.apn2014.blogspot.com](http://apn2014.blogspot.com). Maklumat mengenai Angpau Night 2014 akan diberitahu dari semasa ke semasa melalui pautan berkenaan.